

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 28, 2017 4:56 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: UUMIT Serah Kunci Student Lounge Terakhir Kepada COLGIS



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



28 MAC 2017 / 29 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUMIT SERAH KUNCI STUDENT LOUNGE TERAKHIR KEPADA COLGIS



UUM ONLINE: UUMIT menerusi Pengarahnya, Kamarudin Abdullah telah menyerahkan kunci Student Lounge Melati kepada Penolong Naib Canselor UUM COLGIS, Prof Madya Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Bangunan COLGIS, tadi.

Student Lounge Melati merupakan Student Lounge ketiga dan terakhir yang diserahkan UUMIT selepas UUM CAS dan UUM COB, baru-baru ini.

Dengan adanya Student Lounge tersebut akan memudahkan pelajar untuk bertemu dan membincangkan aktiviti akademik atau bukan akademik dalam suasana yang santai dan selesa, selain boleh digunakan sebagai tempat untuk mengadakan mesyuarat serta pertemuan kakitangan dengan pelawat.

Student Lounge yang telah diserahkan itu kini akan dipertanggungjawab sepenuhnya kepada ketiga-tiga kolej berkenaan.

Antara kemudahan yang disediakan di Student Lounge ini ialah Wifi berkelajuan tinggi, lima unit komputer dengan akses internet, kaunter khidmat pelanggan dan ruang multimedia.

Selain pembukaan Student Lounge di UUM CAS, UUM COB dan UUM COLGIS, pelajar juga boleh menggunakan kemudahan disediakan di Student Lounge di semua Inapan Siswa (INASIS).

Hadir sama, Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Prof Madya Dr. Zaheruddin Othman; Dekan Pusat Pengajian Undang-undang, Dr Zainal Amin Ayub; Dekan PPA UUM COLGIS, Prof Madya Dr Rusdi Omar dan pegawai-pegawai kanan UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.